

Kosmo 19/05/2010 M/S 3

Pengeluaran, import dan jualan lampu pijar dihentikan secara berperingkat mulai 2011

Penggunaan lampu pijar dihenti

PUTRAJAYA - Penggunaan lampu pijar akan dihentikan mulai tahun depan dalam usaha kerajaan menjimatkan penggunaan tenaga di samping mengurangkan penghasilan bahan karbon.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter Chin Fah Kui berkata, dengan pelaksanaan dasar tersebut, penggunaan tenaga elektrik negara dapat dijamin sebanyak RM336 juta setahun dan pengurangan penghasilan karbon sebanyak 40 peratus menjelang 2020.

Penggantian lampu tersebut akan dilakukan secara berperingkat-peringkat selama tempoh tiga tahun yang bermakna semua jenis lampu pijar yang mengeluarkan cahaya kekuningan tersebut tidak akan dijual mulai 2014.

"Pengguna digalakkan menggunakan lampu yang lebih cekap tenaga seperti lampu kalimantang kompak, lampu kalimantang silinder dan lampu dioda," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Peter Chin berkata, pelaksanaan dasar tersebut akan dilakukan dalam dua fasa iaitu pertama, menghentikan secara berperingkat-peringkat pengeluaran, pengimportan dan penjualan lampu pijar dengan spesifikasi kuasa 100 watt dan ke atas dalam tempoh satu tahun mulai 1 Januari hingga 31 Disember 2011.

"Manakala peringkat kedua,

menghentikan pengeluaran, pengimportan dan penjualan semua jenis lampu pijar dalam tempoh dua tahun selepas fasa pertama, bermula 1 Januari 2012 hingga 31 Disember 2013," katanya.

Namun beliau berkata, pengecualian penggunaan lampu pijar untuk beberapa kegunaan khusus akan diberikan berdasarkan senarai yang diluluskan oleh Kementerian.

Beberapa negara lain di dunia seperti Filipina, Brazil, Argentina, Venezuela, Australia, Ireland, Italy, United Kingdom, Rusia dan Switzerland telah mula menghentikan penggunaan lampu tersebut secara berperingkat-sejak beberapa tahun lalu.

Mengulas mengenai bantahan penduduk Kampung Sungai Terentang di Rawang berhubung kerja pembinaan Projek Pengukuhan Sistem Kawasan Tengah oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) di kampung tersebut, Peter Chin berkata, beliau telah meminta TNB supaya tidak merobohkan rumah penduduk buat sementara waktu sehingga jalan penyelesaian diperoleh.

"Saya telah bertukar-tukar pandangan dengan Menteri Besar Selangor (Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim) dan pihak yang berkaitan termasuk TNB. Saya telah meminta TNB agar tidak melakukan kerja meroboh buat sementara waktu," katanya.

Info Lampu pijar

- Lampu pijar mula diperkenalkan oleh Thomas Alva Edison pada 31 Disember 1879
- Juga dikenali sebagai lampu mentol
- Mentol ini mengeluarkan cahaya apabila dawai filamen di dalamnya dialiri arus elektrik
- Mengeluarkan cahaya kekuningan berbanding lampu kalimantang yang biasanya putih
- Cahaya kuning itu berpunca daripada bahan gas yang digunakan dalam balang kaca lampu tersebut
- Beroperasi secara pemanasan
- Mengeluarkan gas-gas berbahaya seperti halogen, raksa dan karbon dioksida
- Lampu boleh didapati dalam pelbagai voltan serendah puluhan hinggalah ratusan voltan
- Tenaga yang diperlukan oleh lampu pijar untuk mengeluarkan cahaya lebih tinggi berbanding lampu lain seperti lampu LED (light-emitting diode) dan lampu kalimantang




Mentol



Lampu pendarflour



Lampu kalimantang



Lampu led